



**KEMENTERIAN
PERPADUAN NEGARA**

KENYATAAN MEDIA

**MESYUARAT PRESIDEN DAN AHLI-AHLI JAWATANKUASA
MAJLIS PERUNDINGAN MALAYSIA AGAMA BUDDHA, KRISTIAN,
HINDU, SIKH DAN TAO (MCCBCHST) BERSAMA YB MENTERI
PERPADUAN NEGARA**

1 Oktober 2020, Putrajaya – Satu mesyuarat bersama **Presiden dan Ahli Jawatankuasa Majlis Perundingan Agama Buddha, Kristian, Hindu, Sikh dan Tao (MCCBCHST)** telah diadakan pada hari ini. Pertemuan ini dihadiri seramai **13 orang** wakil MCCBCHST yang terdiri daripada Presiden dan Ahli Jawatankuasa yang mewakili badan dan pertubuhan agama-agama Buddha, Kristian, Hindu, Sikh dan Tao.

2. Kementerian menyambut baik kehadiran Ahli Jawatankuasa MCCBCHST untuk **beramah mesra dan mewujudkan persefahaman serta keharmonian antara penganut agama di Malaysia.**

3. YB Menteri Perpaduan Negara mengambil maklum akan fungsi MCCBCHST sebagai badan bukan kerajaan yang ditubuhkan bagi mewakili pelbagai agama utama di Malaysia.

4. Kementerian turut memaklumkan bahawa **mesyuarat Jawatankuasa Keharmonian Antara Penganut Antara Agama yang telah dijenamakan sebagai HARMONI akan mengadakan mesyuarat pertama pada 16 Oktober 2020**. HARMONI yang dipengerusikan secara bersama oleh YB Menteri Perpaduan Negara dan YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) ini akan membincangkan agenda memperkukuhkan kesefahaman dan keharmonian antara penganut pelbagai agama di negara ini.

5. Pada sesi pertemuan, YB Menteri Perpaduan Negara turut menyerahkan **kit promosi Kempen Pembudayaan Norma Baharu Dalam Komuniti** kepada Presiden dan Ahli Jawatankuasa MCCBCHST yang hadir ke mesyuarat hari ini. Kit yang mengandungi poster, kain rentang dan bunting yang membawa mesej pembudayaan norma baharu ini akan dipamerkan di premis ibadat masing-masing.

Kementerian Perpaduan Negara

1 Oktober 2020

-TAMAT-

Mengenai Kementerian Perpaduan Negara:

Kementerian Perpaduan Negara ditubuhkan pada 10 Mac 2020 di bawah kepimpinan Kerajaan Perikatan Nasional. Fungsi utama Kementerian Perpaduan Negara adalah untuk memacu agenda perpaduan nasional bagi memastikan kesejahteraan dan keharmonian rakyat Malaysia.

Pertanyaan media:

Unit Komunikasi Korporat, Kementerian Perpaduan Negara

Tel: +603 8091 8041 Fax: +603 8888 8568 / 569

E-mail: pro@perpaduan.gov.my

No rujukan: KPN.UKK.1009/1/8 (28)